

# UMNO Selangor janji berjuang berterusan untuk bangsa, agama

AJM 2 JUL 2001

SHAH ALAM 1 Julai - Badan Perhubungan UMNO Selangor akan memastikan perjuangan membela nasib bangsa, agama dan negara tidak dilakukan bermusim sebaliknya secara terus-menerus, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Untuk itu kata beliau, UMNO Selangor akan mempelopori semua agenda perjuangan melalui program dan aktiviti yang melibatkan ahli-ahli dan pemimpin parti di semua peringkat.

Menurutnya, agenda memperjuangkan nasib orang Melayu, agama dan negara itu merupakan antara tujuh resolusi yang telah dipersetujui pada Konvensyen UMNO Selangor ke-10.

Dr. Khir yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor menambah, aktiviti yang akan dilaksanakan itu juga akan dilakukan dalam kerajaan.

"Resolusi Konvensyen UMNO Selangor ke-10 juga bersetuju memberi sokongan penuh kepada

ucapan perasmian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

"UMNO Selangor berikrar merealisasikan sendiri semua resolusi yang dipersetujui itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis penutupan Konvensyen UMNO Selangor ke-10 di Hotel Bluwave di sini hari ini.

Perdana Menteri ketika merasmikan konvensyen itu semalam menggesa orang Melayu mengubah sikap dan memperbetulkan diri sendiri bagi mengelakkan mereka menjadi kaum kelas dua atau tiga pada tahun 2020.

Dr. Mahathir berkata, status negara maju yang diidamkan pada 2020 tidak akan bermakna sekiranya orang Melayu ketika itu adalah golongan termiskin dalam negara.

Menteri Besar menambah, satu urusan setia tetap juga akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan resolusi-resolusi yang telah dipersetujui pada konvensyen berkenaan.

"Antara resolusi itu, menjadikan UMNO sebagai contoh teladan bagi diikuti oleh ahli-ahli parti dan orang lain," katanya.

Beliau berkata, bagi memperbaiki dan seterusnya mempertingkatkan prestasi UMNO, setiap ahli parti hendaklah melalui proses muhasabah diri.

"Selaras dengan semangat muhasabah diri ini, UMNO dapat menjadi organisasi yang cemerlang dari semua aspek termasuk kepimpinan berkualiti," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai kandungan resolusi tersebut lebih mendalam, Dr. Khir berkata, UMNO Selangor tidak dapat menjelaskan secara terperinci kerana ia akan diketahui oleh pihak lawan.

"Yang pasti kita akan laksanakan resolusi tersebut di semua peringkat sehingga mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang," katanya.